

Tiada permohonan bina taman tema di Cameron Highlands

Asrol Awang - September 21, 2021 @ 1:54pm
bhnews@bh.com.my



Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail (tengah) bersama penerima vaksin pada Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) Remaja Pahang di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bukit Rengin, Kuantan, hari ini. - Foto NSTP/Asrol Awang

KUANTAN: Kerajaan Pahang tidak menerima sebarang permohonan bagi pembinaan taman tema di Cameron Highlands.

Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail, berkata tiada sebarang perbincangan mengenai perkara itu termasuk dibentangkan dalam mesyuarat EXCO.

Sehubungan itu, katanya, dakwaan pembinaan taman tema di Cameron Highlands tidak benar dan seharusnya dirujuk kepada kerajaan negeri untuk mendapatkan maklumat lebih tepat.

"Hakikatnya, ia tidak betul dan jangan percaya kerana tidak pernah dibincangkan dalam mesyuarat EXCO dan tiada sebarang permohonan yang diterima setakat ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas desakan badan bukan kerajaan (NGO) yang meminta Kerajaan Pahang menolak cadangan pembinaan taman tema di Cameron Highlands.

Wan Rosdy ditemui selepas meninjau Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) Remaja Pahang di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bukit Rangin, di sini hari ini.

Sebelum ini media melaporkan cadangan pembinaan taman tema di Cameron Highlands bertemakan ski bernilai RM100 juta di kawasan seluas 24 hektar dan dibantah NGO kerana boleh memberi kesan terhadap alam sekitar.

Mengulas lanjut Wan Rosdy berkata, walaupun status tanah itu milik persendirian, pihak terbabit tidak boleh berbuat apa-apa selagi belum mendapat kebenaran daripada kerajaan negeri.

"Mereka tetap perlu mengemukakan permohonan kepada kerajaan negeri walaupun tanah persendirian dan itu peraturannya," katanya.